

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan Melayu tertarik untuk belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan dunia hari ini. KPM juga komited untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan, rebutan ibu bapa pelbagai kaum, pusat untuk memupuk perpaduan kaum dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sukan dan sahsiah. Hal ini selari dengan Manifesto Pakatan Harapan yang jelas menyatakan untuk memastikan Sekolah Kebangsaan menjadi sekolah pilihan rakyat.

Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Untuk mencapai hasrat tersebut, KPM telah dan sedang menjalankan langkah-langkah berikut :

NO. SOALAN : 21

1. penyediaan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti;
2. pengupayaan pemimpin dan guru supaya cekap, kompeten dan berkualiti;
3. memastikan semua murid Tahap 1 menguasai kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan manusiawi (4M);
4. memastikan kemenjadian murid secara holistik yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor;
5. penyediaan sistem sokongan yang kuat dan mencukupi;
6. penyediaan iklim dan budaya sekolah yang sihat;
7. penawaran dan pelaksanaan kurikulum berasaskan pelanggan; dan
8. pemantapan aktiviti kokurikulum dan sukan.

Di samping itu, KPM memperkenalkan pembelajaran bahasa ibunda di Sekolah Kebangsaan. Kini terdapat Sekolah Kebangsaan yang menyediakan peluang untuk murid mempelajari Bahasa ketiga seperti Bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban dan Kadazan Dusun. KPM juga berhasrat memperluas pengenalan bahasa ketiga di semua Sekolah Kebangsaan dan hal ini telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk Gelombang 3 pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memerlukan lebih sumber dan peruntukan yang khusus untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan yang kebanyakannya terletak di luar bandar. Bagi tujuan ini, KPM sedang memperhebatkan bantuan kepada Sekolah Kebangsaan melalui Program Transformasi Daerah, iaitu salah satu inisiatif di bawah PPPM 2013-2025 yang menyalurkan bantuan kepada sekolah yang paling memerlukan di setiap daerah. Selain daripada itu, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) bagi menambah baik penyampaian pendidikan di sekolah kebangsaan. Sekian, terima kasih.